

16/10/1997

Umno Lipis sokong usaha pemimpin

KUALA LIPIS, Rabu - Umno bahagian Lipis memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam usaha mengatasi masalah ekonomi.

Ketuanya, Datuk Omar Othman, berkata bahagiannya berdiri teguh di belakang kedua-dua pemimpin itu.

"Kami yakin Perdana Menteri dan Timbalannya mampu menangani masalah kejatuhan nilai mata wang negara sekarang.

"Umno bahagian Lipis mengutuk sebarang usaha yang dibuat oleh media asing atau pihak tertentu melaga-lagakan kedua-dua pemimpin berkenaan," katanya, ketika ditemui selepas mempengerusi mesyuarat ahli jawatankuasa Umno bahagian itu, di sini.

Menurut Omar, perpaduan sama ada pada peringkat cawangan, bahagian, Pemuda dan Wanita akan membuktikan Umno sebuah parti yang kukuh dan mampu mengatasi sebarang masalah.

(END)